


LB
2341.8
.M4
.P47
2016
a

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

# Perutusan Naib Canselor 2016

"Mentransformasi Bakat, Melonjak Kejayaan"

27 Januari 2016 | 17 Rabiul Akhir 1437 H

SOARING UPWARDS
MALAYSIAN HIGHER EDUCATION

Published in Malaysia by
Chancellery Management & Relations Office
Universiti Teknikal Malaysia Melaka
Hang Tuah Jaya
76100 Durian Tunggal
Melaka. Malaysia

UTeM
اونيۏرسيتي تيكنيكل مليسيا ملاك
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA
*Dengan Ingatan Tulus Ikhlas*
Kepada
Penerbit Universiti
Daripada
**Perpustakaan**
**Universiti Teknikal Malaysia Melaka**
Hang Tuah Jaya
76100 Durian Tunggal, Melaka
Malaysia
Tel: 06-331 6822 Fax: 06-331 6811
Laman Web: http://library.utem.edu.my E-Mail: library@utem.edu.my

**Universiti Teknikal Malaysia Melaka 2016**
*All rights reserved. No part of this book may be reproduced or utilised in any form or by any means, electronic or mechanical, including photocopying, recording or by any information storage and retrieval system, without permission in writing from the publisher.*
*First Printing, 2016. Copyright Universiti Teknikal Malaysia Melaka*

123193
K1

a
LB2341.8.M4 .P47.

0000123193
Perutusan Naib Canselor / Universiti Teknikal Malaysia Melaka.

# Perutusan
# Naib Canselor
# 2016

oleh
Prof. Datuk Dr. Shahrin bin Sahib

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA
اونيۏرسيتي تيكنيكل مليسيا ملاك

"Bila anda belum menemukan pekerjaan
yang sesuai dengan bakat anda, bakatilah
apapun pekerjaan anda sekarang.
Anda akan tampil secemerlang
yang berbakat"

-Hamka

# KANDUNGAN

MUKA SURAT

Senario Semasa 05
Isu Semasa Pendidikan Tinggi 08
Tema Perutusan NC 2016 13
KPI dan KIP 16
Harapan 39

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA
PERPUSTAKAAN
Universiti Teknikal Malaysia Melaka
No. Aksesan 0000123193
No. Panggilan LB 2341.8 .M4 .P47 2016 a
Tarikh: 31 MAY 2016
8bi/140616

"Senario semasa menuntut Universiti untuk menyusun langkah, memperkasa organisasi dan mentransformasi bakat bagi melonjak kejayaan yang lestari"

*-Prof. Datuk Dr. Shahrin bin Sahib*






UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

# Senario Semasa

## Merencana Kelestarian Ampuh

1. Cabaran Ekonomi Negara
2. Kedudukan Ringgit Malaysia
3. Peningkatan Kos Sara Hidup
4. Trans Pacific Partnership Agreement (TPPA)
5. Islamic State Internal Security (ISIS)

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA
UTeM
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA




UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA



# Senario Semasa
## Merencana Kelestarian Ampuh

Cabaran globalisasi dan ketidaktentuan ekonomi dunia secara tidak langsung memberi kesan kepada Negara dan turut mencorak lanskap sosial serta politik semasa. Universiti sebagai sebuah gedung ilmu yang membentuk dan melahirkan modal insan sebagai aset terpenting sesebuah negara turut menerima tempias permasalahan ini. Senario semasa ini menuntut Universiti untuk menyusun langkah, memperkasa organisasi dan mentransformasi bakat bagi melonjak kejayaan yang lestari. Sebagai sebuah universiti teknikal yang pertama di Malaysia, UTeM perlu ampuh dalam memastikan kelangsungan perancangan serta misi dan visi Universiti terus bertahan walau dalam keadaan semasa yang tidak menentu ini. Warga Universiti mempunyai tanggungjawab dalam menongkah arus cabaran ini melalui transformasi secara lebih terancang, terarah dan bersama bagi memastikan kita terus membina kekuatan dalam merealisasikan semua perancangan yang dihasratkan.

Dalam ketidaktentutan senario ekonomi masa kini, implikasi kos serta pengurusan bajet menjadi penentu utama dalam pelaksanaan perbelanjaan Universiti. Sehubungan dengan itu beberapa langkah proaktif yang menjurus kepada penegasan baharu dengan fokus kepada keberhasilan (Outcome-based) melalui pengoptimuman sumber, telah dirangka antaranya penggunaan penerbangan tambang rendah, tempahan tiket penerbangan dan tempahan penginapan (hotel) secara atas talian. Melalui inisiatif ini, kita berharap walaupun dengan langkah mengoptimumkan sumber sedia ada, namun ia bukan menjadi penghalang untuk UTeM terus melaksanakan inisiatif strategik berimpak tinggi (high-impact initiatives) yang telah dirancang awal bagi melonjak Universiti ke arah ekosistem yang lebih kecemerlangan.

Hari ini, dalam mendepani cabaran mendatang yang lebih kompleks, amatlah penting bagi warga Universiti untuk bersiapsiaga dan berinovatif dalam mencari ruang dan juga peluang yang boleh dilaksanakan menerusi penyertaan negara dalam Trans Pacific Partnership Agreement (TPPA). Seharusnya peluang ini dijadikan pemangkin kepada UTeM khususnya para akademik bagi melestarikan lagi ekosistem inovasi sedia ada dengan menggalakkan penghasilan produk baharu yang mempunyai daya komersil yang tinggi bagi memacu pertumbuhan ekonomi negara ke arah lebih berdaya saing bersama rangkaian 12 rakan TPPA yang lain selaras dengan hasrat Kementerian Pendidikan Tinggi.

Perkembangan sains dan teknologi masa kini yang semakin sofistikated juga telah banyak menyumbang perubahan kepada kesejahteraan sejagat termasuk dalam aspek keselamatan negara. Penggunaan internet sebagai antaramuka komunikasi memudahkan lagi penyebaran maklumat yang berunsur hasutan serta negatif ke seluruh negara dan dunia. Ini termasuklah ancaman ekstremisme global serta fahaman radikalisme. Sehubungan itu UTeM telah mengambil inisiatif dengan memastikan pelajar dan staf mendapat kefahaman yang jelas berkaitan bahaya doktrin ISIS . Menerusi pendedahan ini, diharapkan pengaruh sebegini tidak terus menular dan warga Universiti dapat terus bergerak ke hadapan dalam suasana yang harmonis dan permuafakatan.

# Isu Semasa Pendidikan Tinggi

1. Intipati Amanat YB. Menteri KPT 2016
2. Agihan Peruntukan KPT 2015/2016
3. Formula Pendanaan Baru
4. Langkah Mengoptimum Sumber
5. Funding Arrangement 2016

UTeM
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA




UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

# Isu Semasa Pendidikan Tinggi

Dalam melonjak kejayaan universiti-universiti awam di Malaysia, beberapa aspek khusus telah diberi penekanan oleh Menteri Kementerian Pendidikan Tinggi semasa Majlis Amanat Tahun Baharu 2016 yang bertemakan Pendidikan Fleksibel (anytime, anywhere, anyone). Amanat YB Menteri mengupas beberapa cabaran dan isu merangkumi aspek memperhebat keupayaan pelajar melalui pengenalan iCGPA, empat (4) laluan kerjaya pensyarah iaitu pengajaran, penyelidikan, kepimpinan institusi dan pengamal profesional. Selain daripada itu, usaha dalam melahirkan graduan TVET yang berkualiti dan berinovasi turut diperkasakan. Pendekatan Quadruple Helix menerusi kerjasama industri-akademia-komuniti-kerajaan dalam memastikan simbiosis berterusan yang menguntungkan semua pihak. Pengekalan geran penyelidikan 2016 kepada RM470 juta, dan pengukuhan ekonomi serta kewangan menerusi jalinan Alumni yang merangkumi potensi aset, ekosistem, keusahawanan, wakaf dan endowmen serta pengkomersilan idea pula dapat memastikan kelangsungan operasi universiti. Pelan Transformasi Universiti atau UniTP turut menjadi agenda utama bagi tahun 2016. Penyediaan Playbook sebagai pendekatan pertama bagi memperkukuhkan pengurusan universiti di peringkat Lembaga Pengarah. Bagi menghadapi cabaran pendidikan di peringkat global pula, terdapat keperluan bagi universiti untuk memperkasakan MOOCs dan gamifikasi yang berpotensi menjadikan proses P&P lebih dinamik, menarik dan bersifat interaktif. Program ini juga dapat menggalakkan multi-lingual dan multi disciplinary serta keperluan mengaplikasi konsep kesepunyaan, hormat menghormati dan keserakanan.

Selain daripada itu, bagi tahun 2016, KPT turut mengalami pengurangan bajet keseluruhan sejumlah 15.25% kepada RM 13.38 billion dengan pecahan peruntukan mengurus sebanyak RM11.77 billion dan peruntukan pembangunan sebanyak RM 1.61 billion. Secara khususnya, universiti awam/hospital perubatan/badan berkanun hanya menerima sebanyak RM 8 billion iaitu penurunan sebanyak 11.70% berbanding tahun 2015. Pengubahsuaian bajet 2016 yang diumumkan oleh YAB Perdana Menteri pada 28 Januari 2016 banyak bergantung kepada beberapa perkara antaranya nilai semasa harga minyak mentah dunia.

Bagi memperkukuhkan keupayaan kewangan, KPT telah mengenalpasti formula baru dalam pengagihan bajet universiti awam yang merangkumi empat (4) komponen utama iaitu (i) yuran pengajian, (ii) endowmen dan sumber pendapatan lain, (iii) pendanaan berdasarkan input, (iv) pendanaan berasaskan prestasi. Selain daripada itu, universiti awam juga disarankan untuk mempertingkatkan penjanaan pendapatan dalaman melebihi 15% dengan saluran dari kerajaan hanya berjumlah 85% sahaja. Universiti awam turut digalakkan membuat penjajaran belanjawan mengikut keperluan dan keutamaan dengan kelulusan Ketua Aktiviti di bawah OBB.

## Funding of Public University



Bagi menyokong agenda kelestarian kewangan universiti pula, beberapa langkah mengoptimum sumber telah dikenal pasti seperti berikut:

## Langkah Mengoptimum Sumber

01 Pelaksanaan Program Secara NBOS

02 Lawatan Ke Luar Negara Untuk Perkara Penting Sahaja

03 Kurangkan Kursus Termasuk Kursus Mandatori

04 Kawalan Ulititi, Kurangkan Kerja Ubahsuai

05 Rekabentuk Bangunan Menyumbang Kepada Penjimatan

06 Kurangkan OT, Gunasama Peralatan Pejabat

07 Kenaikan Pangkat Secara KUP tanpa kemudahan Kereta Konsesi

08 Tiket Kapal Terbang Secara Online

09 Penggunaan Konsep IBS

Funding Arrangement 2016 merupakan pendekatan baharu yang diperkenalkan oleh KPT dalam memperkemaskan perancangan pendanaan universiti-universiti awam bagi tahun 2016. Perincian perancangan adalah seperti berikut:

## Funding Arrangement 2016




UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

# Quadruple Helix | Lingkaran Empat Pihak




UTeM

Tema Perutusan

# Naib Canselor 2016

MENTRANSFORMASI BAKAT
MELONJAK KEJAYAAN

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA




UTeM UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

Era perubahan global masa kini memerlukan anjakan paradigma dari aspek pemikiran yang lebih kreatif, inovasi dan berkompetensi. Tema Perutusan Naib Canselor tahun ini ialah **MENTRANFORMASI BAKAT MELONJAK KEJAYAAN.** Ini adalah bertepatan dengan teras pertama dalam pelan tranformasi perkhidmatan awam yang menyentuh keupayaan bakat setiap individu.

Transformasi perlu dalam melahirkan warga kerja yang mempunyai daya saing yang kuat, ilmu pengetahuan yang tinggi, kreatif, inovatif dan berkompetensi. Di samping itu bakat kebolehan, kecekapan, kepakaran dan kemahiran yang sedia ada, perlu ditambah baik serta digunakan sepenuhnya bagi melonjak kejayaan universiti sejajar dengan keperluan semasa. Sebagai sebuah universiti teknikal suatu formula perlu digarap bagi memastikan lonjakan kejayaan yang boleh dibanggakan tercapai. Sesungguhnya kejayaan itu tidak akan tercapai sekiranya setiap dari kita tidak melakukan transformasi secara holistik dan kolektif.



UTeM UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA










| 2013 | 2015 | 2020 | 2025 |
|---|---|---|---|
| 0 | Wave 1 | Wave 2 | Wave 3 |
| | Build momentum and lay foundations | Accelerate system improvement | Move towards excellence with increased operational flexibility |

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

# PETUNJUK PRESTASI UTAMA (KPI & KIP)

Dalam konteks perancangan prestasi universiti, pada tahun 2016, UTeM telah memberi penekanan kepada aspek bakat dan mengoptimum sumber dalam melonjak pencapaian universiti ke arah kecemerlangan. Selain itu pihak Kementerian Pendidikan Tinggi telah menetapkan beberapa sasaran yang wajar dicapai oleh setiap universiti awam sebagai alat pengukur prestasi bagi tahun 2016. Berikut adalah senarai KPI yang telah ditetapkan oleh pihak KPT :

a) Kebolehpasaran Graduan (GE),
b) Peratusan Pelajar Antarabangsa,
c) Indeks Jurnal,
d) Sitasi,
e) Penjanaan Pendapatan,
f) Produktiviti dan Keberkesanan Kos,
g) Enrolmen TVET,
h) Pembelajaran Sepanjang Hayat,
i) Pemerkasaan Governan,
j) Ekosistem Inovasi
k) Pembelajaran Atas Talian Secara Global.



UTeM UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

## UTeM telah meletakkan sasaran seperti berikut bagi tahun 2016:

| | KPI | Sasaran 2016 |
|---|---|---|
| Graduate Employability | % of graduates at convocation | 80% |
| | | |
| International Students | Total number of International Students Enrolled | 650 |
| | Total number of postgraduate international students enrolled | 200 |
| | | |
| Research Publications & Citations | Total number of publications per lecturer in indexed journals and proceedings | 1.3 |
| | Total number of cumulative citations per lecturer | 8.0 |
| | | |
| Income Generation | Self generated income as % of total operating expenditure | 18% |
| | | |
| Productivity & Cost Efficiency | Student Attrition Rate (MTUN) | 5% |
| | Graduation-on-time (GoT)<br>Undergraduate<br>Master<br>PhD | <br>85%<br>52%<br>40% |
| TVET Enrollment | % student enrollment in TVET | 60% |
| Nation of Life Long Leaners | Number of participants: | |
| | Formal programs<br>Courses<br>Training | 1,400<br>750<br>320 |
| Empowered Governance | % of attendance of Board Members | 83% |
| Innovation Ecosystem | Number of research product commercialized | 5 |
| | IPR | 55 |
| Globalized Online Learning | Number of student enrolled in MOOCs | 1,427 |

# KPI Key Performance Indicators




UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

# MELONJAK KECEMERLANGAN PENDIDIKAN TEKNIKAL




*Sumber gambar dari Google

UTeM
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA




**PERKASA TVET**

- Semakan program yang menjurus kepada keperluan industri
- Penubuhan MBOT – Akreditasi Program Teknologi Kejuruteraan
- Nisbah pelajar teknologi kepada kejuruteraan 60:40




**MEMPERLUASKAN PENAWARAN BAHASA KETIGA – JERMAN, JEPUN & TURKI**

**MEMPERKASAKAN ACCREDITATION OF PRIOR EXPERIENTIAL LEARNING CERTIFICATION (APEL C)**




**Semakan semula dan hala tuju program akademik UTeM**

**PENGANTARABANGSAAN**







**Memperluaskan akses kepada pendapatan Bottom 40**




**GoT – Pra siswazah, Pasca Siswazah**

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

# MERINTIS TEKNOLOGI MASA HADAPAN

2



55 IPR

1.3 Indeks Penerbitan Jurnal & Prosiding

8.0 Cummulative Citation Per Lecturer

5 produk pengkomersilan

Pemerkasaan CoE

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

## PENGKOMERSILAN

- 55 IPR
- 5 Produk dikomersilkan

## PEMERKASAAN DAN PENSTRUKTURAN SEMULA PUSAT KECEMERLANGAN (CoE)

- Pengarah CRIM
- Ketua Pusat Kecemerlangan /COE,
- Pengurus & Penyelaras - CeTRI, C-ACT, CeRIA, C-TED, AMC & CaRE

## PENERBITAN




- 1.3 Indeks Penerbitan Jurnal & Prosiding
- 8.0 Sitasi Kumulatif bagi setiap pensyarah

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

# MEMBENTUK PEMIMPIN BERCIRI KEUSAHAWANAN




*Sumber gambar dari Google

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

## KEUSAHAWANAN

- Peningkatan dalam usahawan berdaftar di kalangan pelajar
- Business Start Up Fund
- Kemandirian melalui keusahawanan
- Mewujudkan ekosistem keusahawanan

## KEBAJIKAN PELAJAR

- Menambah baik fungsi tabung sedia ada
- Peranan tabung endowmen
- Kaji selidik terhadap pelajar yang kurang berkemampuan
- Kemudahan di Pusat Kesihatan UTeM
- Naik taraf kemudahan yang ditawarkan di Pusat Sukan

## CGPA PELAJAR

- Peningkatan pencapaian CGPA > 3.5
- Pencapaian dalam Anugerah Dekan
- Penerapan Software4Brain

## PENINGKATAN NILAI INSANIAH

- Penerapan ciri kesukarelawanan
- Sikap bertanggungjawab
- Kesepunyaan dan kebersamaan
- Ciri kepimpinan Al-Fateh

UTeM UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA




*Sumber gambar dari Google

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA




**PENUBUHAN**

PUSAT TRANSFORMASI KOMUNITI UNIVERSITI

UCTC

**DI UTeM**

Alumni Reconnect

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

COMMUNITY ENGAGEMENT

### CSR

- Program peningkatan ilmu dalam komuniti
- Perkongsian ilmu dan kepakaran
- S4B bersama SME dan Komuniti

### MEMPERKASA ALUMNI

- Penubuhan Rumah Alumni
- Endowmen
- Perkongsian kepakaran
- Mewujudkan jaringan alumni di dalam dan luar negara




*Sumber gambar dari Google

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA




- Pelaksanaan Pelan Strategik Sumber Manusia (PPSM)
- Pemantapan Bakat
- Eksesais Kenaikan Pangkat
- Audit Perjawatan




SCUBBA




- Menyelesaikan kes tata tertib
- Exit Policy LPPT < 60 (1%)
- Saringan penyalahgunaan dadah

S4B
*Tools for Excellence*

- NLP Coaching dan NLP Master Trainer
- Sumbangan kepada peningkatan pencapaian pelajar
- Sumbangan kepada komuniti

PROFESSIONAL QUALIFICATION



- Meningkatkan bilangan IR
- Pendaftaran C.Eng
- Meningkatkan Post Doc
- Mempertingkatkan penglibatan dalam Skim Sangkut Industri
- Pembelajaran Sepanjang Hayat

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

# APA ADA PADA BAKAT?

- Orang berbakat orang berjaya (Terkenal)
- Orang berbakat pandai buat perhubungan dan tingkat dan luaskan pengaruh dan pasaran
- Orang berbakat banyak mencipta;
- Orang berbakat pakar selesai masalah bidangnya;
- Orang berbakat sangat tinggi daya saingnya;
- Orang berbakat fikir depan, fikir lagi dan fikir melintang




## NILAI PENGURUSAN BAKAT

- Tingkatkan Pendapatan/ Hasil
- Tingkatkan Produktiviti
- Perbaiki Kualiti
- Tingkatkan Kepuasan Pelanggan
- Perbesarkan Pasaran
- Kurangkan Kos
- Kurangkan Penyeliaan
- Gembirakan Share holders

## INDIKATOR KEJAYAAN PENGURUSAN BAKAT

- Pemikiran dan Minda Kelas Pertama
- Pasukan Bertaraf Dunia (Boleh bersama dengan sesiapa dan dimana-mana)
- Keupayaan yang sukar ditandingi
- Pekerja dan Organisasi Sebutan
- Rujukan Dunia
- Pencipta/ Inovasi




UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

*Sumber gambar dari Google




- Audit mengejut
- Penjimatan utiliti
- Audit Akauntabiliti







- Skim potongan gaji






- Sewaan fasiliti
- Tingkatkan aktiviti perundingan
- 18% *self generated income*

## PERKHIDMATAN SOKONGAN





UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

### PUSAT PERKHIDMATAN PENGETAHUAN DAN KOMUNIKASI

- Memperkukuhkan bandwidth untuk menyokong MOOC
- Menjana pendapatan melalui pembangunan sistem agensi-agensi luar
- Pemusatan pengurusan mesin fotostat
- Pembangunan dan penambahbaikan Sistem – e-LPPT, e-perjawatan akademik dll

### PEMBANGUNAN & PENGURUSAN FASILITI

- Penguatkuasaan Polisi Tenaga
- Pemusatan Parkir
- Kemudahan dan laluan berbasikal
- *Split aircond unit*
- Dasar pengurusan Sisa Pepejal & Buangan Terjadual UTeM

**ELEVENTH MALAYSIA PLAN**
**2016-2020**
ANCHORING GROWTH ON PEOPLE



**PROJEK BARU RMK-11**
- Membina dan menyiapkan FKP
- Membina dan menyiapkan Kompleks Dewan Kuliah
- Membina dan menyiapkan sambungan infrastruktur jalan

**PROJEK SAMBUNGAN**
- Perolehan peralatan FTK (RM20j)
- Pembinaan FTKM (RM65j)

*Legend:*
- Membina dan Menyiapkan Fakulti Kejuruteraan Pembuatan
- Membina dan Menyiapkan Kompleks Dewan Kuliah
- Membina dan Menyiapkan Sambungan Infrastruktur Jalan

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

## PERKHIDMATAN SOKONGAN



### PERPUSTAKAAN

- Membuka akses kepada komuniti setempat
- Menyediakan Ruang Penasihatan Kerjaya
- Mengoptimumkan penggunaan ruang yang dinaiktaraf
- Memperluaskan Perkhidmatan Peminjaman Buku




### PPSKR

- Pemantapan dan pelaksanaan BSC Universiti
- Memenuhi Akreditasi Program – MQA dan EAC
- ISO
- Memenuhi sasaran *University Transformation Plan*
- Pelaporan Balanced Score Card/KPI/KIP setiap suku tahun (quarterly)

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

# PERKHIDMATAN SOKONGAN

MAJLIS PROFESOR NEGARA
*Pemikir Negara*

## MAJLIS PROFESOR UTeM

- Menganjurkan Kongres peringkat kebangsaan
- Meningkatkan penglibatan MPU dalam projek Kerajaan Negeri Melaka
- Menganjurkan Meja bulat Majlis Profesor MTUN





## PUSAT ISLAM

- Memantau Program Pembangunan Sahsiah Pelajar & Staf
- Memperkasakan Program Pembangunan Sahsiah Mahasiswa Islam UTeM (PERSIS)

UTeM
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

# PERKHIDMATAN SOKONGAN

MAJLIS PROFESOR NEGARA
*Pemikir Negara*

## MAJLIS PROFESOR UTeM

- Menganjurkan Kongres peringkat kebangsaan
- Meningkatkan penglibatan MPU dalam projek Kerajaan Negeri Melaka
- Menganjurkan Meja bulat Majlis Profesor MTUN





## PUSAT ISLAM

- Memantau Program Pembangunan Sahsiah Pelajar & Staf
- Memperkasakan Program Pembangunan Sahsiah Mahasiswa Islam UTeM (PERSIS)

UTeM UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

# PERKHIDMATAN SOKONGAN









## CANSELORI

- Pemantapan visibiliti UTeM melalui paparan media digital & bercetak
- Penggunaan media baharu secara lebih optimum
- Penganjuran Program-Program strategik bersama pihak luar

## PEJABAT PENASIHAT UNDANG-UNDANG

- Memuktamadkan statut-statut UTeM
- Menyediakan buku "Limit of Authority" sebagai panduan
- Mengadakan saringan ujian air kencing bersama AADK

## PEJABAT AUDIT DALAM

- Mengadakan eksesais Audit mengejut
- **Persediaan bagi Indeks Akauntabiliti**
  - persediaan sebelum lawatan audit dari **Jabatan Audit Negara** pada bulan **Julai hingga Disember 2016**.
  - Melaksanakan audit kendiri
  - Penambahbaikan menerusi **Audit Kendiri Susulan**, Feb – Jun 2016

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

# PENCAPAIAN UNIVERSITI DALAM INDEKS AKAUNTABILITI (IA)

| TAHUN | MARKAH (%) | PENARAFAN BINTANG | TAHAP | SKOR | KEDUDUKAN UTeM DALAM IPTA |
|---|---|---|---|---|---|
| 2007 | 66.00 | ★★ | Memuaskan | 2 | 15 daripada 16 |
| 2010 | 86.55 | ★★★ | Baik | 3 | 10 daripada 19 |
| 2013 | 88.77 | ★★★ | Baik | 3 | 7 daripada 19 |
| * Sasaran (IA) UTeM | | | | | |
| 2016 | > 90.00 | ★★★★ | Sangat Baik | 4 | Antara 5 IPTA yang terbaik |

| Kawalan Pengurusan | Kawalan Bajet | Kawalan Terimaan | Kawalan Perbelanjaan | Kawalan Pengurusan Aset & Stor |
|---|---|---|---|---|
| • Sangat Baik ★★★★ | • Sangat Baik ★★★★ | • Sangat Baik ★★★★ | • Baik ★★★ | • Baik ★★★ |

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

## PENCAPAIAN IA 2013

| UPM | UiTM | UPSI | USIM | UTHM | UNIMAS | UTeM |
|---|---|---|---|---|---|---|
| 93.07 (4*) | 93.04 (4*) | 92.69 (4*) | 91.99 (4*) | 89.23 (3*) | 88.82 (3*) | 88.87 (3*) |

# HARAPAN

## Penutup Bicara

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA




UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

ahli akademik untuk merancang masa depan kerjaya masing-masing merangkumi bidang pengajaran, penyelidikan, kepimpinan institusi dan pengamal profesional.

Dalam memperkukuhkan sinergi antara akademia dan industri, pelaksanaan Program "CEO @ Faculty" juga akan terus dipergiatkan menerusi pelaksanaan Fasa 2:2016. Langkah ini amat penting bagi memastikan graduan UTeM diberi pendedahan kepakaran dan pengalaman yang meluas daripada pihak industri terkemuka di mana secara tidak langsung dapat memberikan inspirasi kepada graduan untuk terus cemerlang demi pembangunan negara. Selain itu menerusi konsep quadruple helix iaitu pengembelingan tenaga antara pihak akademia - industri –komuniti –kerajaan, dilihat mampu menyokong dan menjana pertumbuhan bidang keutamaan yang dihasratkan.

Dalam aspek penyelidikan pula, adalah diharapkan agar penyelidik UTeM akan lebih berdaya saing dalam menghasilkan produk-produk penyelidikan yang berpaksi pemintaan agar mampu dikomersilkan dan menjadi *solution provider* kepada industri, komuniti serta kerajaan.

Manakala usaha ke arah menyokong lonjakan ke 10, UTeM akan terus komited dalam penyediaan Program Transformasi Universiti (UniTP) berpandukan lima (5) playbook yang menjurus kepada bidang governan dan kecekapan lembaga universiti, produktiviti dan kewangan, trek kerjaya dan pembangunan kepimpinan, pengurusan prestasi dan pelaporan kewangan dan penjanaan dana dan endowmen.

Untuk menarik lebih ramai pelajar terutama di peringkat antarabangsa mengikuti pengajian tinggi di UTeM, maka pendekatan pengajaran dan pembelajaran yang berinovasi wajar dan akan terus dilaksanakan pada tahun ini. Diantaranya adalah pelaksanaan APEL(C), *Massive Open Online Courses* (MOOCs), kaedah gamifikasi serta pembelajaran secara bersemuka *(face to face)*.





Selain itu penawaran kurikulum yang berbentuk *multi-lingual* dan *multi–disciplinary* juga akan diberi penekanan agar lebih bersifat global. Ini secara tidak langsung dapat mengangkat keberadaan UTeM dalam memperkukuhkan lagi agenda pendidikan fleksibel yang ditekankan oleh YBM Pendidikan Tinggi dalam Amanat Tahun Baharu 2016 yang lalu.

Adalah menjadi harapan universiti agar semua inisiatif dan gerak kerja yang digariskan pada tahun 2016 ini dapat dilaksanakan secara bersepadu dengan konsep kesepunyaan dan keserakanan yang jitu agar kita bersama-sama dapat membawa Universiti mencapai tahap yang lebih tinggi serta membanggakan. InsyaAllah.




“Setiap manusia adalah dalam keadaan mati kecuali mereka yang mempunyai ilmu. Dan setiap yang mempunyai ilmu adalah dalam keadaan tidur, melainkan mereka yang mengamal kebaikan. Dan setiap yang mengamal kebaikan adalah dalam keadaan tertipu, kecuali yang ikhlas. Dan mereka yang ikhlas sering dalam keadaan risau (ditakuti jika amalannya tidak diterima)”

-Imam Syafi'e

Wabilahitaufik Walhidayah
Wassalamualaikum Wrt. Wbt.

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

Perpustakaan
Universiti Teknikal Malaysia Melaka
Hubungi:
Tel: 06-3316822 | Fax: 06-3316811
http://library.utem.edu.my

اونيۏرسيتي تيكنيكل مليسيا ملاك
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

PERPUSTAKAAN
Universiti Teknikal Malaysia Melaka
0000123193
31 MAY 2016

MyUTeM

UTeM_my

utem_moments

Rekabentuk Oleh
Pejabat Pengurusan dan Perhubungan Canselori
Universiti Teknikal Malaysia Melaka

www.utem.edu.my

ISBN 978-967-0257-28-0